


# Bisnes

CORPORATE  
SUMMIT 2019REBOOTING  
CORPORATE MALAYSIAPNB  
CORPORATE  
SUMMIT 2019REBOOTING  
CORPORATE MALAYSIAPNB  
CORPORATE  
SUMMIT 2019

## Kukuh peranan, dasar GLIC, GLC

*Iktiraf sinergi bersama sektor swasta untuk wujud persekitaran positif bagi ekonomi*



DR Mahathir memberi ucapan ketika PCS 2019, semalam.

Oleh Nabil Basaruddin  
nabil.basaruddin@hme-tro.com.my



Penggunaan teknologi perlu diperluaskan manakala sektor swasta dan GLC perlu menyokong sistem pendidikan sedia ada”

Dr Mahathir

Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu memainkan peranan lebih penting dengan memperkuatkannya institusi serta dasar yang lebih baik bagi menyokong pertumbuhan untuk memacu sektor swasta.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha berkenaan membantu mewujudkan persekitaran positif yang akan memudahkan perkembangan sosio-

ekonomi dalam negara.

Beliau berkata, GLIC dan GLC perlu menilai semula penyertaan mereka dalam sektor korporat negara dan mengiktiraf sinergi dengan sektor swasta, terutama ke arah memperkisasikan usahawan.

“Usaha ini menyumbang kepada pertumbuhan lebih

Katanya, untuk mencapai matlamat ini, penting untuk sektor swasta memainkan peranan dan menjadi peneraju utama ekonomi negara.

“Sektor korporat perlu memainkan peranan lebih besar dalam mencipta nilai dan kekayaan dengan sebahagian proses ini adalah kunci kepada produktiviti dan pembangunan bakat.

“Penggunaan teknologi perlu diperluaskan manakala sektor swasta dan GLC perlu menyokong sistem pendidikan sedia ada selain memperkisasikan usahawan yang akan menyumbang kepada sektor swasta.

“Usaha ini menyumbang kepada pertumbuhan lebih

inklusif dengan kenaikan pendapatan dan peningkatan kualiti hidup lebih baik, termasuk kumpulan berpendapatan rendah,” katanya ketika berucap dan merasmikan Persidangan Korporat PNB 2019 (PCS 2019) di sini, semalam.

Majlis itu turut dihadiri Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof.

Hadir sama, Pengurus Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Dr Zeti Aziz dan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Jalil Rasheed.

Dr Mahathir berkata, ke-

rajaan komited menyusun semula ekonomi Malaysia supaya negara ini muncul sebagai ekonomi yang lebih progresif, berdasarkan pengetahuan dan memperkisasakan rakyat tempatan.

Menurutnya, dari perspektif sektor awam, kerajaan perlu bekerja lebih masa bagi memperkuatkannya dan membersihkan segala kekacauan yang ditinggalkan pentadbiran terdahulu.

Katanya, kerajaan juga melaksanakan pembaharuan penting untuk meningkatkan kestabilan, memperkuatkannya pengurusan fiskal serta meningkatkan tadbir urus korporat dan ketelusan.

“Bagaimanapun, kerajaan

menanggung beban hutang daripada pentadbiran terdahulu dalam merealisasikan usaha penstrukturkan ekonomi negara ini.

“Meskipun kerajaan mengambil langkah menangani masalah ini, ia akan mengambil masa bagi memperbaiki keadaan fiskal negara pada masa ini,” katanya.

PCS 2019 bertemakan *Rebooting Corporate Malaysia* adalah persidangan korporat sulung PNB yang dihadiri lebih 500 peserta seperti penggubal dasar, kepimpinan utama serta pengurusan kanan (GLIC dan GLC), ahli ekonomi, agensi penarafan dan badan kawal se-